



پلان ستراتیکی یايان اسلام کلنٹن

PELAN STRATEGIK YAYASAN ISLAM KELANTAN

2021 - 2025





PENERAJU KECEMERLANGAN
PENDIDIKAN ISLAM DAN BAHASA ARAB

Pelan Strategik

Islam Kelantan

2021 - 2025



KANDUNGAN

Perutusan YAB Menteri Besar Kelantan	1
Kata Alu-aluan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi Negeri Kelantan	2
Kata Alu-aluan YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan	3
Ringkasan Eksekutif	4
Pendahuluan	6
Sejarah Yayasan Islam Kelantan	7
Sekolah-sekolah YIK	12
Visi, Misi dan Moto	16
Struktur Organisasi	18
Pelanggan dan Pihak Berkepentingan	21
Kuasa dan Undang-undang	24
Peranan Jabatan, Sistem Nilai, Isu dan Cabaran	26
Teras Strategik Yayasan Islam Kelantan 2021-2025	38
Teras 1 : Memperkasakan Pengurusan dan Pembangunan Sekolah	39
Teras 2 : Melonjakkan Kecemerlangan Akademik	50
Teras 3 : Memartabatkan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab	70
Teras 4 : Membangunkan Modal Insan Berkualiti	84
Teras 5 : Memantapkan Profesional Keguruan	95
Teras 6 : Memantapkan Pengurusan Pentadbiran YIK	102
Sidang Editor	123



PERUTUSAN
YAB MENTERI BESAR KELANTAN



Allah SWT berfirman:



Yang bermaksud: Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. (Al-'Alaq :1)

Segala pujian bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhamamad SAW, keluarga dan para sahabat serta mereka yang mengikuti jalan menegakkan hukum Allah SWT di atas muka bumi.

Allah SWT menegaskan kepada Rasulullah SAW agar memberikan penekanan kepada membaca. Ini membuktikan bahawa Islam didirikan atas ilmu pengetahuan dan bukannya atas kejahilan. Syarat pembacaan itu pula "mestilah dengan disandarkan kepada keagungan Allah SWT". Ini menunjukkan bahawa setiap usaha dalam sektor pembangunan ilmu pengetahuan wajiblah diasaskan atas nama Allah SWT. Alhamdulillah, Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah melangkah ke hadapan dengan menterjemahkan visi besar pendidikan di negeri ini kepada bentuk pelan strategik bagi menjayakan setiap agenda pendidikan negeri berlandaskan Syariat Allah SWT. Saya difahamkan pelan ini menggariskan beberapa perancangan strategik dalam penambahbaikan dan peningkatan mutu YIK sehingga tahun 2025.

Tentunya dalam merangka pelan ini, pihak YIK telah mengambil kira Falsafah Pendidikan Islam yang bersesuaian dengan dasar "Merakyatkan Membangun

Bersama Islam" yang menjadi tonggak pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan kini. Dalam hal ini, sukalah saya ingatkan bahawa Falsafah Pendidikan Islam ialah falsafah yang berteraskan wahyu sebagai sumber, berbeza dengan falsafah pendidikan lain. Begitulah juga Falsafah Pendidikan YIK, kita ingin membangunkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepatuhan kepada Allah SWT.

Untuk wawasan yang jauh ini, YIK sangat perlu berperanan ke arah membentuk generasi yang bukan hanya sekadar mukmin akan tetapi lahirnya ramai generasi mukmin *Muthaqqaf* dan *Musleh Ummah* suatu masa nanti. Saya juga amat berharap agar YIK memainkan peranan dengan lebih giat dalam membentuk generasi ulamak yang mampu muncul sebagai pemimpin masyarakat. Dengan itu, pelajar-pelajar perlu dilatih terus-menerus secara seimbang dalam aktiviti pengurusan dan berpersatuan bagi meningkatkan keupayaan seorang pelajar yang bakal terjun ke tengah masyarakat. Semoga hasrat dan segala perancangan yang disusun berjaya sepenuhnya, insya-Allah.

Sekian, wassalam.

" ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI "

" SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT "

" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "

**YAB DATO' BENTARA KANAN
USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB**

*S.J.M.K., D.J.M.K. (Kelantan), S.M.K., J.P. (Dato' Bentara Kanan)
Menteri Besar Kelantan*



**YB PENGURUSI JAWATANKUASA
PEMBANGUNAN INSAN, PENDIDIKAN DAN
PENGAJIAN TINGGI NEGERI KELANTAN**



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, YIK telah berjaya menyiapkan naskhah Pelan Strategik YIK bagi tahun 2021 hingga 2025 yang mendokong agenda Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menyediakan Pelan Strategik YIK 2021–2025. Saya yakin YIK menyokong penuh hasrat kerajaan negeri Kelantan, untuk melahirkan sumber manusia yang Rabbani serta negeri dan negara *Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur*.

Justeru, penghasilan Pelan Strategik YIK 2021–2025 dengan menetapkan beberapa Teras, Objektif Strategik, Strategi dan Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah satu usaha yang seiring dengan matlamat Ilahi tersebut. Kerjasama semua pihak perlu digembeling sepenuhnya bagi menjayakan Pelan Strategik YIK 2021–2025 ini, dengan melaksanakan setiap KPI yang telah ditetapkan.

Saya yakin dan percaya usaha ini secara tidak langsung akan dapat merealisasikan hala tuju YIK untuk menjadi Peneraju Pendidikan di Malaysia dan nusantara menjelang tahun 2025 serta memenuhi visinya menjadi institusi pendidikan Islam yang rabbani, bitara, cemerlang dalam kepimpinan pendidikan Islam berlandaskan kegemilangan sejarah Islam serta menerajui perubahan global. Sekian, terima kasih.

" ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI "

" SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT "

" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "

**YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI
B. DATO' HAJI HASSEN D.J.M.K (Kelantan)**

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan



KATA ALU-ALUAN YM PENGARAH YAYASAN ISLAM KELANTAN



perancangan strategik yang telah diwujudkan mulai tahun 2010.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa pelan strategik merupakan asas perancangan dan penyusunan gerak kerja organisasi dan jabatan yang memberikan panduan jelas untuk membuat semakan serta kajian kepada tahap kemajuan serta proses pelaksanaan aktiviti di semua bahagian. Sepanjang pelaksanaan sejak 2010 Yayasan Islam Kelantan telah berada dalam landasan yang betul bergerak sebagai pemacu kecemerlangan pendidikan sehingga melahirkan pelajar, sekolah, pentadbiran dan pengurusan kewangan yang cemerlang.

Usaha-usaha ini terus dipertingkatkan sehingga menjadikan pelan strategik ini sumber rujukan kepada kakitangan untuk membuat pengukuran dan semakan kepada sasaran dan pencapaian dalam semua aktiviti di Yayasan Islam Kelantan. Saya mengharapkan dengan visi "Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab menjelang 2025" YIK mengembeling usaha dan

mengintegri kemahiran dalam pelbagai bidang ke arah "Melahirkan muslim yang beriman, berakhlik mulia, berilmu pengetahuan, beramal soleh dan layak berkhidmat untuk membangun keluarga, masyarakat dan negara". Hasrat ini diterjemahkan melalui enam teras utama yang merangkumi bidang pengurusan dan pembangunan sekolah, akademik, memartabatkan pendidikan Islam dan bahasa Arab, membangun modal insan berkualiti, mempertingkatkan tahap profesion keguruan dan bidang pengurusan pentadbiran Yayasan Islam Kelantan.

Akhir kata, adalah diharapkan pelan strategik ini dapat memenuhi kehendak masyarakat secara umumnya dan dapat memberikan gambaran mengenai fungsi, peranan, perancangan dan hala tuju Yayasan Islam Kelantan untuk tempoh lima tahun akan datang.

" ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI "
" SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT "
" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "


YM ENGU RAJHAN BIN ENGU ISMAIL

Pengarah

Yayasan Islam Kelantan



RINGKASAN EKSEKUTIF



Pelan Strategik Yayasan Islam Kelantan (YIK) bagi tempoh 5 tahun bermula 2021-2025 disediakan dan dirancang untuk memberikan gambaran yang jelas tentang peranan, visi, misi dan perancangan yang terurus untuk dilaksanakan dalam tempoh berkenaan.

Pelan Strategik ini akan menjadi panduan asas kepada pihak pengurusan Yayasan Islam Kelantan dan pengurusan sekolah tentang hala tuju yang perlu didokong ke arah mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan. Selain itu Pelan ini juga diharapkan akan dapat memenuhi harapan pihak berkepentingan dan masyarakat umum untuk melihat dan mengukur keberkesanannya sistem penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh YIK kepada mereka.

Pelan Strategik yang disediakan ini telah mengambil kira pelbagai aspek termasuk peranan, fungsi, prinsip nilai, analisis kekuatan dan kelemahan serta peluang yang ada supaya relevan dan bersesuaian dengan persekitaran yang ada.

Berasaskan kepada analisis yang komprehensif inilah Pelan Strategik disediakan supaya apa yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut acuan yang ditetapkan dan lebih realistik.



RINGKASAN EKSEKUTIF (SAMB.)


Peneraju kecemerlangan pendidikan Islam dan bahasa Arab menjelang tahun 2025 adalah merupakan visi YIK yang harus dicapai dalam tempoh tersebut. Enam teras utama telah digariskan bagi memastikan segala visi, misi, objektif YIK berjaya dicapai. Teras tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. Memperkasakan Pengurusan dan Pembangunan Sekolah.
2. Melonjakkan Kecemerlangan Akademik.
3. Memartabatkan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab.
4. Membangunkan Modal Insan Berkualiti.
5. Memantapkan Profesion Keguruan.

6. Memantapkan Pengurusan dan Pentadbiran

Kesemua enam teras ini telah diperjelaskan secara terperinci melalui program, pelan tindakan, indikator dan sasaran tahunan supaya mudah difahami dan dilaksanakan oleh semua pihak terutama pihak pengurusan YIK.

Kesimpulannya, Pelan Strategik YIK ini akan dapat menjadi satu sumber rujukan penting dan pemangkin bagi menjadikan YIK sebuah institusi pendidikan yang cemerlang melalui perancangan sistematis, tersusun dan lengkap.





PENDAHULUAN

- 1. Sejarah Yayasan Islam Kelantan**
- 2. Sekolah-sekolah YIK**
- 3. Visi, Misi dan Moto**
- 4. Struktur Organisasi**
- 5. Pelanggan dan *Stakeholders***
- 6. Kuasa dan Undang-undang**
- 7. Persekitaran, Peranan dan Cabaran**



PENERAJU KECEMERLANGAN
PENDIDIKAN ISLAM DAN BAHASA ARAB

Sejarah Yayasan Islam Kelantan



Yayasan Islam Kelantan (YIK) merupakan sebuah agensi agama kerajaan negeri Kelantan yang diamanahkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan Islam dan pengajian bahasa Arab dalam kalangan penduduk negeri ini.

Sejarah penubuhannya bermula tahun 1973 hasil daripada satu cadangan yang telah dikemukakan kepada pihak kerajaan negeri agar ditubuhkan satu jabatan khas bagi mengendalikan sekolah-sekolah agama. Pada 1 Julai 1974 kerajaan telah bersetuju menubuhkan Jabatan Sekolah-sekolah Agama Kelantan (JASA), jabatan ini diletakkan di bawah Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri melalui Enakmen No. 9 tahun 1969. Enakmen ini kemudiannya dipinda dan diletakkan di bawah Enakmen baharu No. 3 tahun 1977.

Jabatan ini telah beroperasi di bangunan

Yaakubiah Lundang, Kota Bharu dan ditadbir oleh jemaah tadbir yang bertanggungjawab kepada Majlis Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan.





SEJARAH YAYASAN ISLAM KELANTAN

Pada 29 Julai 1976 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju mengambil alih enam buah sekolah agama di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) iaitu :

1. Madrasah Muhammadiyah (Kota Bharu)
2. Madrasah Falahiah (Pasir Pekan, Tumpat)
3. Madrasah Amir Indera Petra (Beris Kubor Besar, Bachok)
4. Madrasah Yaakubiah (Nipah, Bachok)
5. Madrasah Arabiah (Pasir Mas)
6. Madrasah Syamsul Maarif (Pulai Chondong, Machang).

Pengambilalihan ini termasuk sekolah-sekolah yang pentadbirannya diluluskan oleh MAIK yang melaksanakan sukanan pelajaran

yang digubal oleh MAIK tetapi guru-guru dilantik dan dibiayai sendiri oleh Jawatankuasa Kemajuan Sekolah masing-masing.

Pada 22 Mac 1979, pentadbiran sekolah-sekolah agama Kelantan berpindah daripada JASA kepada Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK) melalui satu enakmen Bil. 5, tahun 1979. Enakmen ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 1979, yang tertakluk terus kepada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai badan berkanun. Penubuhan ini bertujuan:

- 1) Meningkatkan taraf pendidikan dan pelajaran agama dalam negeri ini supaya seimbang dengan keperluan ummah dan negara.





- 2) Bagi memaju dan melayakkan sekolah-sekolah agama di negeri ini menjadi saluran kepada pusat-pusat pengajian di dalam dan di luar negeri.
- 3) Mewujudkan pengurusan dan pentadbiran yang licin dan cekap bagi menjamin supaya sekolah agama akan berkembang maju.

Pada 1 Mac 1983 satu enakmen baharu iaitu Enakmen Kelantan Bil. 8/1982 yang dinamakan Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah dikuatkuasakan bagi menggantikan Enakmen Bil. 5/1979 Yayasan Pengajian Islam Negeri Kelantan (YPINK) yang telah dimansuhkan.

YIK bertanggungjawab mentadbir dan mengurus hal-hal berikut:-

- i) Sekolah-sekolah Menengah Agama/Arab seluruh negeri Kelantan

- ii) Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri
iii) Pusat Pengajian Pondok, Telong, Kandis, Bachok
iv) Tadika Tengku Anis, Kampung Sireh, Kota Bharu
v) Kewangan untuk pengurusan dan pembangunan

Berikutnya penukaran nama ini, pejabat YIK yang bertempat di bangunan Yaakubiah, Lundang, Kota Bharu dipindahkan ke bangunan asrama sementara Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Nilam Puri pada 4 Jun 1983. Kemudian berpindah ke bangunan lama Istana Nilam Puri yang terletak dalam Kampus Akademi Islam Universiti Malaya pada 9 September 1990 dan seterusnya ke Bangunan Pusat Bahasa Arab pada 1 Jun 1996 hingga 31 Januari 2021.



SEJARAH YAYASAN ISLAM KELANTAN



Yayasan Islam Kelantan telah berpindah dan memulakan operasi di bangunan baharu iaitu Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan, Jalan Tunjong - Pasir Mas, Kota Bharu Kelantan pada 1 Februari 2021 sehingga sekarang.

Penubuhan YIK telah memberi nafas baharu dalam bidang pendidikan Islam dan bahasa Arab. Ia telah berjaya mewujudkan kemudahan-kemudahan asas seperti bangunan yang sesuai, peningkatan tenaga pengajar dan buku teks yang bermutu dari semasa ke semasa. Begitu juga ia telah melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang sehingga sekolah-sekolah agama bukan lagi menjadi pilihan terakhir bagi pelajar-pelajar yang lemah.





Sekolah- sekolah YIK



SEKOLAH-SEKOLAH YIK

MAAHAD KAWALAN

1. MAAHAD MUHAMMADI (LELAKI)
Jalan Tok Guru 15400 Kota Bharu Kelantan
2. MAAHAD MUHAMMADI (PEREMPUAN)
Jalan Merbau 15300 Kota Bharu Kelantan
3. MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAAT
Pulai Chondong 16600 Machang Kelantan
4. MAAHAD TAHFIZ AL-ASRIAH
Banggol Chicha 17000 Pasir Mas Kelantan
5. MAAHAD TAHFIZ SAINS TANAH MERAH
Bendang Baru Bukit Panau 17500 Tanah Merah Kelantan
6. KOLEJ TAHFIZ SAINS NURUL AMAN
Kok Lanas 16450 Kota Bharu Kelantan
7. MAAHAD TAHFIZ SAINS BUSTANUL ARIFIN
Berangan 16200 Tumpat Kelantan
8. MAAHAD TAHFIZ SAINS AL-MUHAMMADI
Nipah 16300 Bachok Kelantan
9. MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN DARUL
SAADAH LILBANAT
Beta Hulu Ketereh, 16450 Kota Bharu Kelantan
10. MAAHAD TAHFIZ SAINS NURUL HIDAYAH
Tualang Tinggi Selising 16810 Pasir Puteh Kelantan
11. MAAHAD SAINS TOK GURU
Jalan Maktab, Pengkalan Chepa 16100 Kota Bharu Kelantan

MAAHAD PILIHAN

1. MAAHAD PENGAJIAN ISLAM
Jalan Long Yunus 15200 Kota Bharu Kelantan
2. MAAHAD AMIR INDERA PETRA
Beris Kubur Besar 16050 Bachok Kelantan
3. MAAHAD MUHAMMADI PASIR MAS
Peti Surat 604 17007 Pasir Mas Kelantan
4. MAAHAD MUHAMMADI RANTAU PANJANG
17200 Rantau Panjang Kelantan
5. MAAHAD SANIAH
16800 Pasir Puteh Kelantan
6. MAAHAD AHMADI
Padang Siam 17500 Tanah Merah Kelantan
7. MAAHAD MUHAMMADI TUMPAT
Kg Sedar 16200 Tumpat Kelantan

8. MAAHAD MUHAMMADI PASIR PEKAN
Pasir Pekan 16060 Tumpat Kelantan
9. MAAHAD AR-RAHMAH KENALI
Kubang Kerian 16150 Kota Bharu Kelantan
10. MAAHAD RAHMANIAH
KM 5 Lebuh Raya Kuala Krai-Gua Musang 18000
Kuala Krai Kelantan

MAAHAD

1. MAAHAD YAAKUBIAH
Nipah 16300 Bachok Kelantan
2. MAAHAD SYAMSUL MAARIF (Perempuan)
Pulai Chondong 16600 Machang Kelantan
3. MAAHAD SYAMSUL MAARIF (Lelaki)
Labok 18500 Machang Kelantan
4. MAAHAD AL-SABIRIN
Ayer Lanas 17700 Jeli Kelantan
5. MAAHAD RAUDZAH AL-NAZIRIN
Jerimbong Kuala Balah 17610 Jeli Kelantan
6. MAAHAD MUHAMMADI GUA MUSANG
18300 Gua Musang Kelantan
7. MAAHAD TAQADDUM MAARIF
Pasir Tumboh 16150 Kota Bharu Kelantan
8. MAAHAD TARBIAH MARDHIAH
Panchor Kemumin 16100 Kota Bharu Kelantan

PONDOK

1. PUSAT PENGAJIAN PONDOK YIK
Kg Telong Kandis 16310 Bachok Kelantan

SMU (A) BANTUAN KERAJAAN

1. SMU (A) SULLAMIAH
Bunut Payong 15150 Kota Bharu Kelantan
2. SMU (A) TAQADDUMIL ILMI
Ketereh 16450 Kota Bharu Kelantan
3. SMU (A) ISTIQAMAH
Badang Jalan Pantai Cahaya Bulan
15350 Kota Bharu Kelantan
4. SMU (A) ITTIHADIAH
Tanjung Pagar Ketereh 16450 Kota Bharu Kelantan
5. SMU (A) HAMIDIAH
Padang Lepai Kadok 16450 Kota Bharu Kelantan
6. SMU (A) AZHARIAH
Melor 16400 Kota Bharu Kelantan
7. SMU (A) MUHAMMADIAH
Beris Panchor Tawang 16020 Kota Bharu Kelantan



8. SMU (A) AL-HIDAYAH ISLAMIAH
Chap Bekelam Jelawat 16070 Bachok Kelantan
9. SMU (A) MEHELIAH
Geting 16200 Tumpat Kelantan
10. SMU (A) TARBIAH ISLAMIAH
Chabang Empat 16210 Tumpat Kelantan
11. SMU (A) BUSTANUL SAADAH
Morak Palekbang 16040 Tumpat Kelantan
12. SMU (A) TARBIAH DINIAH
Bunut Sarang Burung 16200 Tumpat Kelantan
13. SMU (A) NURUL HUDA
Bukit Yong 16800 Pasir Puteh Kelantan
14. SMU (A) KHAIRIAH
Padang Pak Amat 16800 Pasir Puteh Kelantan
15. SMU (A) DINIAH
Permatang Rambai 16800 Pasir Puteh Kelantan
16. SMU (A) NURUL FALAH
Cherang Ruku 16700 Pasir Puteh Kelantan
17. SMU (A) AHMADIAH
Banggol Judah 18500 Machang Kelantan
18. SMU (A) AL-HASANIAH
Pangkal Jenereh 18400 Machang Kelantan
19. SMU (A) DARUL SAADAH
Batu Karang 17070 Pasir Mas Kelantan
20. SMU (A) RAHMANIAH
Repek 17070 Pasir Mas Kelantan
21. SMU (A) TARBIAH DINIAH
Meranti 17000 Pasir Mas Kelantan
22. SMU (A) ISMAILIAH
Binjai Maris 17000 Pasir Mas Kelantan
23. SMU (A) TARBIAH DINIAH
Tok Uban 17060 Pasir Mas Kelantan
24. SMU (A) AL-IHSAN
Dalam Pondok 17500 Tanah Merah Kelantan
25. SMU (A) RAHMANIAH
Paloh Bukit Panau 17500 Tanah Merah Kelantan
26. SMU (A) RIAYATUL DINIAH
Bukit Mas 17500 Tanah Merah Kelantan
27. SMU (A) DINIAH - BUKIT KECHIK
Bukit Kechik 17500 Tanah Merah Kelantan
28. SMU (A) DARUL ULUM DINIAH
Padang Siam 17500 Tanah Merah Kelantan
29. SMU (A) AL-ANSORIAH
Felda Kemahang 1 17500 Tanah Merah Kelantan
30. SMU (A) NAHDATUL ULUM
17600 Jeli Kelantan
31. SMU (A) DINIAH
Gunong, Batu Melintang 17600 Jeli Kelantan
32. SMU (A) FALAHIAH
Sungai Sok 18000 Kuala Krai Kelantan
33. SMU (A) AL-SAADAH
Batu Mengkebang 18000 Kuala Krai Kelantan
34. SMU (A) SYUKURIAH
Bukit Sireh 18000 Kuala Krai Kelantan
35. SMU (A) NURUL IHSAN
Kandek Dabong 18200 Kuala Krai Kelantan
36. SMU (A) AT-TAQWA
Felda Ciku2 18300 Gua Musang Kelantan
37. SMU (A) SYUKURIAH
Lubok Setol 17200 Rantau Panjang Kelantan
38. SMU (A) AL-TAHIRIAH
Tasek 17200 Rantau Panjang Kelantan
39. SMU (A) TARBIAH ISLAMIAH
Lubok Gong 17200 Rantau Panjang Kelantan
40. SMU (A) KHAIRIAH
Banggol Setol 17070 Pasir Mas Kelantan
41. SMU (A) DARUL ANUAR
Pulau Melaka 16150 Kota Bharu Kelantan

TADIKA

1. TADIKA TENGKU ANIS 1
Jalan Kampong Sireh 15050 Kota Bharu Kelantan
2. TADIKA TENGKU ANIS 3
Jalan Mahmood 17000 Pasir Mas Kelantan

SABK

1. SMU (A) AL-KAUTHAR
Peringat 16400 Kota Bharu Kelantan
2. SMU (A) YUNUSIAH
Kg Panjang Banggu 16450 Kota Bharu Kelantan
3. SMU (A) DARUL IMAN
Beris Lalang Jelawat 16370 Bachok Kelantan
4. SMU (A) DARUL ULUM MUHAMMADIAH
Kolam Pak Badol 16400 Kota Bharu Kelantan



SEKOLAH-SEKOLAH YIK

5. SMU (A) NURUL HUDA
Kajang Sebidang 16200 Tumpat Kelantan
6. SMU (A) MARDHIAH
Kubang Batang 16250 Wakaf Bharu Kelantan
7. SMU (A) NURUL ITTIFAK
Nering 16800 Pasir Puteh Kelantan
8. SMU (A) TARBIAH ISLAMIAH
Lepah Selising 16810 Pasir Puteh Kelantan
9. SMU (A) ITTIFAKIAH
Telosan 16800 Pasir Puteh Kelantan
10. SMU (A) AL-FALAH
Siram Alor Pasir 17000 Pasir Mas Kelantan
11. SMU (A) AL-ULUM
Padang Empon Tendong 17030 Pasir Mas Kelantan
12. SMU (A) AL-BALAGHUL MUBIN
Rong Chenok 17060 Pasir Mas Kelantan
13. SMU (A) DINIAH
Kg Bongor 17000 Pasir Mas Kelantan
14. SMU (A) MARDZIAH
Jabo Chetok 17060 Pasir Mas Kelantan
15. SMU (A) DARUL ULUM
Jedok 17510 Tanah Merah Kelantan
16. SMU (A) AL-FITRAH
Pasir Sat 17500 Tanah Merah Kelantan
17. SMU (A) TARBIAH ISLAMIAH
Kuala Kajang Lalang Pepuyu 17510 Tanah Merah Kelantan
18. SMU (A) ARABIAH
Ternang Gual Ipoh 17500 Tanah Merah Kelantan
19. SMU (A) DARUS SALAM
Sungai Peria 18000 Kuala Krai Kelantan
20. SMU (A) SAADATUL QURA
RPT Kesedar Kg Bahagia 18000 Kuala Krai Kelantan





Visi,Misi dan Moto



PENERAJU KECEMERLANGAN
PENDIDIKAN ISLAM DAN BAHASA ARAB

VISI, MISI DAN MOTO

Visi
**Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam
dan Bahasa Arab menjelang 2025**

Misi

**Menggerakkan sepenuh tenaga dan keupayaan
untuk melahirkan muslim yang beriman,
berakhlak mulia, berilmu pengetahuan,
beramal soleh dan layak berkhidmat untuk
membangunkan keluarga, masyarakat, negara
dan ummah**

Moto


Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Gemilang



Struktur Organisasi



CARTA ORGANISASI



CARTA FUNGSI

PENGARAH

BAHAGIAN PENGURUSAN

1. Mengurus, menyelia dan memantau urusan yang berkaitan dengan pentadbiran jabatan seperti perolehan, pengurusan harta kerajaan dan kebersihan serta keceriaan.
2. Mengurus pengambilan kakitangan, pengesahan jawatan, peneran dan hal yang berkaitan latihan, prestasi serta kenaikan pangkat.
3. Pengurusan kewangan dan akuan yang melibatkan penyediaan belanjawan tahunan, pembayaran emolument dan semua jenis pembayaran serta sistem pengauditan jabatan.
4. Menyediakan projek-projek pelaburan bagi menjana pendapatan YIK dan projek-projek pembangunan bagi meningkatkan infrastruktur sekolah-sekolah di bawah YIK.

BAHAGIAN SEKOLAH

1. Mengurus penempatan, latihan dan prestasi guru-guru.
2. Mengurus pelantikan, penempatan, latihan dan prestasi pengetua dan penolong kanan.
3. Merancang dan menyediakan unjuran guru, kelas dan murid.
4. Menyelaras kemasukan pelajar, perpindahan, kebajikan, biasiswa, asrama serta PIBG.
5. Memastikan pelaksanaan kegiatan kurikulum di sekolah-sekolah YIK.

BAHAGIAN AKADEMIK

1. Mengurus pelaksanaan Kurikulum Arab/Agama dan Akademik di semua sekolah di bawah pentadbiran YIK.
2. Memperkenasakan keupayaan guru YIK dalam pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan pelajar yang cemerlang di dunia dan di akhirat.
3. Mempertingkatkan penggunaan dan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan guru dan pelajar YIK.
4. Mengendali dan memantau urusan peperiksaan kelolaan YIK dan membuat pemantauan terhadap peperiksaan kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia.

BAHAGIAN KENAZIRAN

1. Ber tanggungjawab memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti wujud di sekolah/institusi di bawah kelolaan YIK.
2. Ber tanggungjawab menyelia sekolah/institusi pendidikan dalam tempoh yang difikirkan sesuai atau apabila diarah dari semasa ke semasa sebagaimana yang ditetapkan.
3. Ber tanggungjawab dalam memberi khidmat nasihat kepada sekolah/institusi pendidikan dalam aspek pengurusan, pengajaran dan pembelajaran.
4. Ber tanggungjawab menyediakan laporan hasil penyeliaan untuk diajukan kepada Pengarah YIK bagi setiap institusi pendidikan yang diselia.




PENERAJU KECEMERLANGAN
PENDIDIKAN ISLAM DAN BAHASA ARAB

Pelanggan dan *Stakeholders*



PELANGGAN DAN STAKEHOLDERS



KATEGORI PELANGGAN / STAKEHOLDERS	PELANGGAN / STAKEHOLDERS
Stakeholders	1) KDYMM Al-Sultan 2) Lembaga Yayasan Islam Kelantan
Sekolah	Semua sekolah di bawah pengurusan YIK
Guru	1) Guru-guru YIK 2) Guru-guru KPM
Pelajar	Penuntut yang belajar di sekolah YIK
Ibu bapa dan Masyarakat	1) Ibu bapa/penjaga kepada pelajar 2) Orang awam



AKTIVITI PEMBAGAYA YAYASAN ISLAM KELANTAN



**YB DATO' HAJI FAZLI BIN
DATO' HAJI HASSAN**
Pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan Insan,
Pendidikan, Pengajian Tinggi,
Sains dan Teknologi Negeri
Kelantan



**YB DATO HAJI NORAZMAN
BIN ABD GHANI**
Pegawai Kewangan
Negeri Kelantan



**YB DATO' KAYA SETIA
DATO' HAJI NAZRAN BIN
MUHAMMAD**
Setiausaha Kerajaan
Negeri Kelantan



**YB DATO HAJI MOHD
AMAR BIN ENK ABDOULLAH**
Timbalan Menteri Besar
Kelantan



**YAB USTAZ DATO' HAJI
AHMAD BIN YAKOB**
Menteri Besar Kelantan



**YB DATUAN HAJI IBRAHIM
BIN DERIS**
Retua Hakim Syarie
Negeri Kelantan



**YBHG. HAJI ZULKIFLE BIN
AB RAHMAN**
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan
Adat Istiadat Melayu
Kelantan



**YB SAHIBUL SAMAHAN
DATO' HAJI MOHAMAD
SHUKRI BIN MOHAMAD**
Mufti Kerajaan Negeri
Kelantan



**YM HAJI ENGU RAHMAN
BIN ENGU ISMAIL**
Pengarah Yayasan Islam
Kelantan



**YB IDHAM BIN HAJI
ABDUL GHANI**
Penasihat Undang-
Undang Negeri Kelantan



Kuasa dan Undang- undang



KUASA DAN UNDANG-UNDANG

Pengurusan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di sekolah-sekolah dijalankan berdasarkan peruntukan undang-undang berikut:

- Enakmen YIK No. 8 tahun 1982
- Perlembagaan Persekutuan Bahagian 10 – Perkhidmatan Awam
- Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Akta 61)
- Perintah-Perintah Am (Bab A,B,C,E,F dan G)
- Akta Pencen 1980 (Akta 227)
- Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Kuasa Tempatan 1980 (Akta 229)
- Akta Penyelarasan Pencen 1980 (Akta 238)
- Akta Perhitungan Semula Pencen 1980 (Akta 228)
- Peraturan-Peraturan Pencen, 1980
- Akta Perwakilan Kuasa 1956 (Akta 35)
- Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Pindaan 1 Januari 2008)
- Akta Pendidikan 1991
- Pekeliling-pekeliling dan Arahan-arahan Perkhidmatan Awam
- Peraturan-peraturan Yayasan Islam Kelantan
- Pekeliling dan Arahan Yayasan Islam Kelantan
- Peraturan-peraturan Pegawai Awam Yayasan Islam Kelantan (Kelakuan dan Tatatertib 2010)



Peranan Jabatan, Sistem Nilai, Isu dan Cabaran



Peranan Jabatan

Yayasan Islam Kelantan (YIK) merupakan sebuah institusi yang diamanahkan untuk menjalankan aktiviti pendidikan Islam dan pengajian bahasa Arab di negeri Kelantan.

Pentadbiran YIK terbahagi kepada 4 bahagian utama iaitu:

- Bahagian Pengurusan
- Bahagian Pengurusan Sekolah
- Bahagian Pengurusan Akademik
- Bahagian Kenaziran



Sebagaimana badan berkanun kerajaan yang lain, YIK ditadbir oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh empat orang timbalan pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan.



Peranan Jabatan

YIK bertanggungjawab dalam pengurusan dan pentadbiran semua sekolah dan institusi di bawahnya. Tanggungjawab ini meliputi pengurusan sumber manusia, kewangan dan akaun, pelaburan dan pembangunan serta

pengurusan pendidikan. Pengurusan pendidikan yang melibatkan pengajaran, pembelajaran dan peperiksaan merupakan tanggungjawab yang terpenting dalam pentadbiran Yayasan Islam Kelantan.





Peranan Jabatan



YIK mengamalkan dwi kurikulum serentak iaitu Kurikulum Maahad Bu'uth Al-Azhar dan Kurikulum Kebangsaan. Kurikulum Maahad Bu'uth Al-Azhar membolehkan para pelajar menduduki peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU). Kurikulum Kebangsaan pula membolehkan para pelajar YIK menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Pentadbiran YIK mengurus sebanyak 93 buah sekolah terdiri daripada Maahad Kawalan dan Tahfiz (11 buah), Maahad Pilihan (10 buah), Maahad (8 buah), Pusat Pengajian Pondok (1 buah), Tadika (2 buah), Sekolah Menengah Ugama (Arab) Bantuan Kerajaan (41 buah) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) (20 buah) dengan jumlah pelajar lebih 37,000 orang dan jumlah guru hampir 2,200 orang.



Prinsip Nilai

Ubudiyah

Manusia sebagai hamba Allah yang diciptakan semata-mata untuk beribadat kepada-Nya. Ia memberikan signifikan dari sudut sifat diri, tujuan hidup dan juga cara menjalani kehidupan yang lahir daripada pancaran iman dan akidah yang jelas.

Mas'uliyyah

Kebertanggungjawaban (akauntabiliti), iaitu segala kerja (tanggungjawab) yang dilakukan

di dunia dan akan dipersoalkan oleh Allah pada hari pengadilan kelak. Suatu proses khilafah yang memikul amanah bagi memakmurkan bumi Allah melalui amalan yang berlandaskan syariat.

Itqan

Kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan kerja, membentuk peribadi yang berakhhlak dan bermoral serta modal insan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas.





Nilai Bersama

Profesional

Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komitmen dengan menggunakan kemahiran, kecekapan dan sumber yang ada untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Berdisiplin

Sentiasa menunjukkan perilaku yang terbaik melalui kepatuhan kepada undang-undang, peraturan-peraturan, prinsip dan nilai murni yang diamalkan. Imej organisasi menjadi keutamaan dalam semua tindakan dan tatakelakuan yang dilakukan.

Kebijaksanaan

Kebijaksanaan menjadi teras ketika melaksanakan tugas dengan berpandukan ilmu dan kemahiran yang ada. Penyesuaian keputusan yang dibuat setelah pertimbangan yang teliti dan menyeluruh.





Nilai Bersama

Akauntabiliti

Sentiasa mengambil tanggungjawab dan kebertanggungjawaban tentang apa yang dilakukan. Akauntabiliti ini akan menjadi sempadan dan perubahan kepada pengurusan dan masyarakat umum tentang akibat yang ditanggung hasil daripada apa-apa tindakan.



Responsif

Peka dan prihatin kepada kehendak pihak berkepentingan dan kehendak pelanggan di samping memahami isu-isu dan senario semasa. Sentiasa bersedia atau mencari jalan penyelesaian terhadap masalah-masalah yang berbangkit dengan cepat dan sempurna.

Adil

Memahami dan mengamalkan prinsip adil dan saksama dalam setiap keputusan yang dibuat. Pertimbangan yang sewajarnya diberikan terhadap permasalahan yang timbul berdasarkan undang-undang, peraturan serta norma dan sistem nilai yang diguna pakai tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor yang lain.



Nilai Bersama

Berintegriti

Sentiasa bersifat jati diri yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan dalam menjalankan amanah dan kuasa dengan jujur, saksama dan sentiasa mengamalkan keutuhan dalam setiap tindak-tanduk.

Amanah

Menjalankan tugas yang diberikan dengan penuh rasa tanggungjawab, dedikasi dan penuh komitmen selaras dengan aku janji yang telah diikrarkan dan sentiasa mengikut peraturan dan undang-udang dalam menjalankan tugas yang diberikan.





Isu dan Cabaran

1. Kelemahan

- Sumber kewangan yang terbatas.
- Kemudahan fizikal dan kelengkapan asas yang terhad.
- Tenaga pengajar yang berkemahiran tinggi tidak mencukupi.
- Perancangan pembangunan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.



- Sebahagian sumber manusia yang kurang terlatih.
- Kakitangan dan pekerja yang kurang memahami peranan dan tugas masing-masing.
- Sebahagian sekolah yang tidak berada di dalam persekitaran kondusif.
- Kakitangan sokongan sekolah yang tidak mencukupi.



2. Kekuatan

- Sokongan penuh kerajaan negeri.
- Pengurusan yang komited.
- Keupayaan penggunaan ICT yang tinggi.
- Mempunyai tenaga pengajar yang berpengalaman, gigih dan sabar.
- Pengurusan yang inovatif dan berani membuat perubahan.
- Keupayaan mengeksplorasi sumber yang terhad.
- Sistem pembelajaran bersepada yang menggabungkan 2 aliran kurikulum iaitu Kurikulum Maahad Bu'uth Al-Azhar dan Kurikulum Kebangsaan.
- Mempelopori dan menerajui sistem aliran Tahfiz Wal Qiraat/ Tahfiz Sains.



3. Peluang

- Minat dan kepercayaan orang awam terhadap sistem pembelajaran YIK semakin hebat.
- Berpotensi untuk mengubah sekolah-sekolah yang ada untuk menjadi sekolah yang unggul.
- Sistem pembelajaran sekolah yang diktiraf di peringkat antarabangsa.
- Hubungan baik dengan negara Timur Tengah untuk usaha sama pendidikan.
- Hubungan baik dengan Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian

Pendidikan Malaysia dan jabatan-jabatan serta agensi berkaitan.

- Pelaburan yang ada boleh menjana pendapatan kepada YIK.
- Peningkatan profesionalisme keguruan melalui IPTA dan IPTS.
- Kemudahan biasiswa dan pinjaman pelajar-pelajar cemerlang YIK.
- Pengiktirafan STAM setaraf dengan STPM.





4. Ancaman

- Sebilangan sekolah pedalaman yang daif.
- Sebahagian masyarakat yang tidak menyokong sistem persekolahan YIK.
- Ketidakmampuan menjana sumber kewangan untuk berdikari.
- Kaedah PdPc yang lemah.
- Tidak dapat menandingi kemudahan-kemudahan asas yang disediakan di sekolah-sekolah arus perdana.
- YIK menjadi batu loncatan dan transit kepada kerjaya yang lebih baik.
- Kurang peluang-peluang pengembangan kerjaya.



- Pandangan negatif dan salah anggapan daripada pihak tertentu terhadap sekolah YIK.
- Kakitangan dan masyarakat yang sukar menerima perubahan.
- Penghijrahan pelajar yang cemerlang ke sekolah lain.



Teras Strategik Yayasan Islam Kelantan 2021-2025

Teras 1:

Memperkasakan Pengurusan dan
Pembangunan Sekolah

Teras 2:

Melonjakkan Kecemerlangan Akademik

Teras 3:

Memartabatkan Pendidikan Islam dan
Bahasa Arab

Teras 4:

Membangunkan Modal Insan Berkualiti

Teras 5:

Memantapkan Profesional Keguruan

Teras 6:

Memantapkan Pengurusan dan
Pentadbiran



Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab

**1 Teras Pertama:
Memperkasakan
Pengurusan dan
Pembangunan Sekolah**

**2 Teras Kedua:
Melonjakkan
Kecemerlangan
Akademik**

**3 Teras Ketiga:
Memartabatkan
Pendidikan Islam
dan Bahasa Arab**

**4 Teras Keempat:
Membangunkan Modal
Insan Berkualiti**

**5 Teras Kelima:
Memantapkan
Profesional Keguruan**

**6 Teras Keenam:
Memantapkan Pengurusan
dan Pentadbiran**



Teras 1: Memperkasakan Pengurusan dan Pembangunan Sekolah



Strategi 1:

- Meningkatkan kualiti infrastruktur sekolah

Strategi 2:

- Memantapkan pengurusan kewangan sekolah

Strategi 3:

- Memantapkan kualiti kepimpinan pengetua bagi mencapai KPI yang ditetapkan oleh jabatan





Strategi 1: Meningkatkan kualiti infrastruktur sekolah



Program-program:

1. Memastikan semua bilik darjah adalah kondusif untuk PdPc
2. Mewujudkan suasana pembelajaran kondusif dan selesa
3. Kemudahan bilik air mencukupi dan selesa
4. Meningkatkan tahap keselesaan bilik guru dan pejabat sekolah
5. Mewujudkan suasana yang selesa di dalam dewan makan/kantin sekolah
6. Meningkatkan tahap keselamatan sekolah
7. Menyediakan ruang ibadat yang sesuai dan selesa
8. Mewujudkan suasana asrama pelajar yang selamat dan selesa
9. Menguruskan tukar milik tanah sekolah-sekolah ke atas nama YIK
10. Pemantapan fasiliti infrastruktur Kompleks Pentadbiran YIK



Strategi 1: Meningkatkan kualiti infrastruktur sekolah

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN	
1. Memastikan semua bilik darjah adalah kondusif untuk PdPc	1. Melengkapkan peralatan bilik darjah di semua sekolah Maahad Kawalan	Membekal 10% hingga 20% peralatan bilik darjah baharu setiap tahun berdasarkan jumlah bilangan pelajar	2021-2025	
	2. Melengkapkan peralatan bilik darjah di semua sekolah Maahad Pilihan	Membekal 10% hingga 20% peralatan bilik darjah baharu setiap tahun berdasarkan jumlah bilangan pelajar		
	3. Melengkapkan peralatan bilik darjah di semua sekolah Maahad Kerajaan	Membekal 10% hingga 20% peralatan bilik darjah baharu setiap tahun berdasarkan jumlah bilangan pelajar		
	4. Melengkapkan peralatan bilik darjah di semua sekolah SMU (A)	Membekal 10% hingga 20% peralatan bilik darjah baharu setiap tahun berdasarkan jumlah bilangan pelajar		
2. Mewujudkan suasana pembelajaran kondusif dan selesa	1. Membina bangunan baharu/tambahan (bangunan akademik/dewan)	1. SMU (A) Tarbiah Mardhiah Panchor	2021	
		2. Maahad Raudhah An-Nazirin Jerimbong	2022	
		3. SMU (A) Taqaddum Ilmi Ketereh		
		4. Maahad Sains Tok Guru Pengkalan Chepa		
		5. Maahad Tahfiz Al-Quran Beta Hulu	2023	
		6. Maahad Rahmah Kenali Kubang Kerian		



Strategi 1: Meningkatkan kualiti infrastruktur sekolah

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
		7. Pusat Pengajian Pondok Bachok	2024
		8. SMU (A) Ittihadiah Tanjung Pagar Ketereh	
		9. Maahad Muhammadi Gua Musang	2025
		10. Maahad Syamsul Maarif (Perempuan) Pulai Chondong	
	2. Membuat pulih bumbung/atap	5 buah sekolah setahun	2021-2025
	3. Memasang sistem pendawaian baharu	5 buah sekolah setahun	
	4. Membuat pulih kelas	5 buah sekolah setahun	
3. Kemudahan bilik air mencukupi dan selesa	1. Membuat pulih tandas lama	5 buah sekolah setahun	2021-2025
	2. Membina tandas baharu	4 buah sekolah setahun	
	3. Menyelenggara tangki atau loji kumbahan	5 buah sekolah setahun	
4. Meningkatkan tahap keselesaan bilik guru dan pejabat sekolah	1. Membuat pulih atau mengubah suai pejabat/bilik guru lama	8 buah sekolah	2021-2025
	2. Menyediakan kelengkapan asas untuk bilik guru dan pejabat	8 buah sekolah	
5. Mewujudkan suasana yang selesa di dalam dewan makan/kantin sekolah	1. Membina kantin baharu	2 buah sekolah	
	2. Membuat pulih atau mengubah suai kantin lama	4 buah sekolah setahun	
6. Meningkatkan tahap keselamatan sekolah	Membina pagar baharu atau membaik pulih pagar	4 buah sekolah setahun	



Strategi 1: Meningkatkan kualiti infrastruktur sekolah

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
7. Menyediakan ruang ibadat yang sesuai dan selesa	Baik pulih musalla	5 buah sekolah setahun	2021-2025
8. Mewujudkan suasana asrama pelajar yang selamat dan selesa	1. Membina asrama baharu 2. Menaik taraf dan membaik pulih asrama sedia ada	1. Maahad Rahmaniah Kuala Krai 2. Maahad Ahmadi Tanah Merah 3. Maahad Pengajian Islam Kota Bharu 4. Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Saadah Beta Hulu Ketereh 5. Maahad Tahfiz Sains Nurul Hidayah Tualang Tinggi Pasir Puteh 6. Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin Tumpat 7. SMU (A) Tarbiah Diniah Bunut Sarang Burung Tumpat	2021 2021 2022 2023 2024 2025
9. Menguruskan tukar milik tanah sekolah-sekolah ke atas nama YIK	1. Menguruskan permohonan tukar milik tanah dengan Pejabat Tanah dan Jajahan 2. Menguruskan permohonan pengambilan balik tanah untuk perluasan tapak sekolah mengikut keperluan	8 buah sekolah 5 buah sekolah setahun	2021-2025



Strategi 1: Meningkatkan kualiti infrastruktur sekolah

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
	3. Menguruskan permohonan pengambilan balik tanah untuk mewujudkan sebuah Maahad Tahfiz di jajahan Kuala Krai	1 tapak sekolah	2022
	4. Menguruskan permohonan pengambilan balik tanah untuk mewujudkan sebuah Maahad Tahfiz di jajahan Gua Musang	1 tapak sekolah (di tapak sedia ada di bandar utama Gua Musang seluas 15 ekar)	2023
	5. Menguruskan permohonan pengambilan balik tanah untuk mewujudkan sebuah Maahad Tahfiz di jajahan Jeli	1 tapak sekolah	2025
10. Pemantapan fasiliti infrastruktur Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan	Pembinaan bangunan tambahan untuk melengkapkan Kompleks	1. Dewan Serba Guna	2021-2022
		2. Pusat Bahasa Arab	2023



Strategi 2: Memantapkan pengurusan kewangan sekolah

Program-program:

1. Memastikan sistem pengurusan kewangan sekolah mengikut peraturan yang telah ditetapkan
2. Membuat auditan kewangan sekolah secara komprehensif
3. Meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan dan akaun serta pengurusan aset alih kerajaan





Strategi 2: Memantapkan pengurusan kewangan sekolah

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
1. Memastikan sistem pengurusan kewangan sekolah mengikut peraturan yang telah ditetapkan	Mengadakan lawatan pemantauan terhadap pematuhan sistem pengurusan kewangan	30 buah sekolah setahun	
2. Membuat audit kewangan sekolah secara komprehensif	1. Mengumpul, meneliti dan memeriksa dokumen-dokumen kewangan yang berkaitan	20 buah sekolah setahun	2021-2025
	2. Menyediakan laporan dan mengadakan <i>Exit Conference</i>		
3. Meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan dan akaun serta pengurusan aset alih kerajaan	Mengadakan Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun atau Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan	1 kali setahun	



Strategi 3: Memantapkan kualiti kepimpinan pengetua bagi mencapai KPI yang ditetapkan oleh jabatan

Program-program:

1. Menyediakan mekanisme standard pemilihan pengetua dan penolong kanan
2. Memastikan pengurusan sekolah berkesan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh YIK





Strategi 3: Memantapkan kualiti kepimpinan pengetua bagi mencapai KPI yang ditetapkan oleh jabatan

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
1. Menyediakan mekanisme standard pemilihan pengetua dan penolong kanan	Mengemas kini manual prosedur pelantikan pengetua/penolong kanan	Manual prosedur dikemas kini setiap tahun	
2. Memastikan pengurusan sekolah berkesan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh YIK	1. Mengadakan kursus pengurusan sekolah kepada pengetua dan penolong kanan	2 kali setahun	2021-2025
	2. Menentukan/menetapkan KPI yang perlu dicapai oleh sekolah	Sekolah diuruskan berdasarkan KPI yang ditetapkan	
	3. Mengadakan kursus/seminar/bengkel kepada pentadbir bagi meningkatkan kemahiran pengurusan sekolah	4 kali setahun	





Teras 2: Melonjakkan Kecemerlangan Akademik

Strategi 1:

- Memantapkan penyeliaan dan pemantauan peringkat sekolah

Strategi 2:

- Memperkasakan aktiviti kokurikulum sekolah seiring dengan arus perdana

Strategi 3:

- Memperkasakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di sekolah selaras dengan falsafah dan matlamat Yayasan Islam Kelantan

Strategi 4:

- Memperkasakan pengurusan Jurulatih Utama dan Panitia Mata Pelajaran

Strategi 5:

- Meningkatkan keberkesanan Teknologi Pendidikan dan memperkasakan peranan Pusat Sumber

Strategi 6:

- Meningkatkan keberkesanan pengurusan peperiksaan

Strategi 7:

- Memantapkan pengurusan sekolah berdasarkan piawaian/KPI yang ditetapkan



Strategi 1: Memantapkan penyeliaan dan pemantauan peringkat sekolah



Program-program:

1. Memperkasakan Bahagian Kenaziran YIK
2. Mempertingkat aktiviti dan kualiti penaziran sekolah



Strategi 1: Memantapkan penyeliaan dan pemantauan peringkat sekolah

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
1. Memperkasakan Bahagian Kenaziran YIK	1. Menyediakan kursus pemantapan pengauditan kenaziran kepada pegawai 2. Mengadakan lawatan dan kunjungan ke institusi pendidikan atau jabatan berkaitan kenaziran 3. Berkolaborasi dengan Jemaah Nazir Kementerian Pendidikan Malaysia	1 kali setahun 2 tahun sekali 2 tahun sekali 20 buah sekolah SABK	2021-2025
2. Mempertingkat aktiviti dan kualiti penaziran sekolah	1. Mengadakan lawatan dan pengauditan kenaziran mengikut jadual berdasarkan piagam pelanggan Bahagian Kenaziran 2. Mengadakan laporan lawatan pengauditan dan mengambil tindakan susulan terhadap penemuan audit 3. Melaksanakan semakan instrumen pengauditan	50 buah sekolah setahun 50 buah sekolah setahun 2 kali setahun	
	4. Membangunkan sistem instrumen pengauditan secara dalam talian (e-Kenaziran)	1 sistem disiapkan	2022
	5. Mengadakan taklimat/bengkel pelaksanaan penyeliaan sekolah dan pembentangan penemuan audit kepada pengetua	1 kali setahun	2021-2025



Strategi 2: Memperkasakan aktiviti kokurikulum sekolah seiring dengan arus perdana

Program-program:

1. Mengemas kini pengurusan kokurikulum
2. Melengkapkan peralatan kokurikulum sukan utama
3. Menganjur/menyertai kejohanan sukan dan acara ilmiah
4. Mengelola/menyertai acara badan beruniform
5. Menentukan Penanda Aras Pencapaian atau *Key Performance Indicator* (KPI) bagi penyertaan kegiatan sukan dan acara ilmiah peringkat kebangsaan





Strategi 2: Memperkasakan aktiviti kokurikulum sekolah seiring dengan arus perdana

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
1. Mengemas kini pengurusan kokurikulum	1. Melantik Jurulatih Utama (JU) Kokurikulum	2 orang Unit Sukan/ Permainan 2 orang Unit Kelab / Persatuan 2 orang Unit Badan Beruniform	2021-2025
	2. Melantik dan melatih Jurulatih Sukan Utama/ Teras KESSUMA/MESMA	2 orang setiap acara (10 acara)	
	3. Menjalinkan hubungan dengan Unit Kokurikulum Jabatan Pendidikan Negeri dalam aktiviti sukan, badan beruniform dan acara ilmiah	Penyertaan 2 sekolah di setiap Zon/Daerah	
	4. Menyediakan satu set buku Garis Panduan Pengurusan Kokurikulum YIK	1 buah kepada semua sekolah	
	5. Memastikan Jawatankuasa Kokurikulum di sekolah berfungsi dengan baik	Menerima laporan 2 kali setahun	
	6. Pengurusan fail kokurikulum di sekolah dikemas kini dengan baik	Pemantauan 20 buah sekolah setahun	
2. Melengkapkan peralatan kokurikulum sukan utama	1. Memastikan setiap sekolah dapat menyediakan 6 jenis peralatan sukan utama berikut: a. Bola Sepak b. Bola Jaring c. Sepak Takraw d. Ping Pong e. Bola Tampar f. Badminton	Semakan 20 buah sekolah setahun	



Strategi 2: Memperkasakan aktiviti kokurikulum sekolah seiring dengan arus perdana

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
	2. Menubuhkan pasukan memanah sekolah 3. Menganjurkan pertandingan pengurusan stor dan peralatan sukan peringkat YIK 4. Memastikan penggunaan Buku Stok, Buku Rekod Pinjaman dan penggunaan peralatan sukan sentiasa dikemas kini	2 buah sekolah setiap Zon (12 Zon) 3 sekolah terbaik bagi Maahad dan SMU(A) Semakan 20 buah sekolah setahun	
3. Menganjur/ menyertai kejohanan sukan dan acara ilmiah	1. Menganjurkan Kejohanan Sukan Sekolah Agama Yayasan Islam Kelantan 2. Menganjurkan Kejohanan Sukan Sekolah Rendah Ugama (SRU) Yayasan Islam Kelantan 3. Menganjurkan Mahrajan Memanah Lelaki/ Perempuan peringkat sekolah 4. Menganjurkan pertandingan acara ilmiah peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah Yayasan Islam Kelantan 5. Menyertai Kejohanan Sukan Sekolah Menengah Agama Malaysia (KESSUMA)	1 kali setahun	2021-2025

Strategi 2: Memperkasakan aktiviti kokurikulum sekolah seiring dengan arus perdana

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
	6. Menyertai Pertandingan Ihtifal Ilmi Sekolah-sekolah Agama Malaysia (MIISMAM) 7. Menyertai Kejohanan Mahrajan Memanah Sekolah-sekolah Agama Malaysia (MESMA)	1 kali setahun	
4. Mengelola/menyertai acara badan beruniform	1. Perkhemahan badan beruniform terpilih peringkat negeri: a. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia b. Pergerakan Puteri Islam Malaysia c. Kadet Polis e. Pengakap f. Kadet Bomba 2. Perkhemahan Badan Beruniform peringkat kebangsaan: a. Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (Laut) b. Kadet Polis	1 kali setahun	2021-2025
5. Menentukan Penanda Aras Pencapaian atau Key Performance Indicator (KPI) bagi penyertaan kegiatan sukan dan acara ilmiah peringkat kebangsaan	1. Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan (KESSUMA) 2. Mahrajan Memanah Sekolah-sekolah Agama Malaysia (MESMA) 3. Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah-sekolah Agama Malaysia (MIISMAM)	Pencapaian sebagai 3 pasukan terbaik keseluruhan setiap tahun	



Strategi 3: Memperkasakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di sekolah selaras dengan falsafah dan matlamat Yayasan Islam Kelantan

Program-program:

1. Melaksanakan konsep pengajaran dan pembelajaran elektronik (e-pembelajaran)
2. Melonjakkan kecemerlangan bahasa Arab





Strategi 3: Memperkasakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di sekolah selaras dengan falsafah dan matlamat Yayasan Islam Kelantan

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
1. Melaksanakan konsep pengajaran dan pembelajaran elektronik (e-pembelajaran)	1. Menyediakan bahan bantu mengajar untuk pengajaran dan pembelajaran berkesan	1. Mata pelajaran <i>Taabir</i> Tingkatan 1 & 2 2. Mata pelajaran <i>Insya'</i> Tingkatan 3 & 4 3. Soalan tahun 2021-2025 bagi mata pelajaran Bahasa Arab 4. Mata pelajaran <i>Taabir</i> Tingkatan 1& 2 5. Mata pelajaran <i>Nahu/ Soraf</i> SMU 6. Mata pelajaran bahasa Arab Tingkatan 3 dan SPM	2021-2025
	2. Meningkatkan penggunaan pembelajaran elektronik (e-pembelajaran)	Satu Blogspot PBA/ Youtube/ Facebook Fanpage/ Facebook Group/ Twitter disediakan dan dikemas kini	
	3. Rakaman panduan Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) bahasa Arab	Menyediakan rakaman panduan PdPc: 1. Mata pelajaran bahasa Arab Tingkatan 1-5 2. Mata pelajaran <i>Taabir</i> Tingkatan 1 & 2 3. Mata pelajaran <i>Insya'</i> Tingkatan 3 & 4 4. Mata pelajaran <i>Nahu/ Soraf</i> Tingkatan 1-4 5. Mata pelajaran <i>Mutalaah</i> Tingkatan 1-4	



Strategi 3: Memperkasakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di sekolah selaras dengan falsafah dan matlamat Yayasan Islam Kelantan

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
	4. Program bimbingan / pengukuhan bahasa Arab secara dalam talian	3 kali setahun	
2. Melonjakkan kecemerlangan bahasa Arab	1. Mengadakan kursus pengukuhan bahasa Arab untuk guru dan pelajar	2 kali setahun mengikut kumpulan	2021-2025
	2. Mengadakan bengkel target sifar F bagi pencapaian bahasa Arab dalam Tingkatan 3 dan sifar G dalam SPM	10 bengkel setahun	
	3. Mengadakan bengkel target kecemerlangan pencapaian bahasa Arab dalam Tingkatan 3 dan SPM	5 bengkel Skor A setahun	



Strategi 4: Memperkasakan pengurusan Jurulatih Utama dan Panitia Mata Pelajaran

Program-program:

1. Memantapkan peranan Jurulatih Utama (JU) dalam peningkatan setiap mata pelajaran
2. Meningkatkan mutu pengurusan panitia mata pelajaran





Strategi 4: Memperkasakan pengurusan Jurulatih Utama dan Panitia Mata Pelajaran

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
1. Memantapkan peranan Jurulatih Utama (JU) dalam peningkatan setiap mata pelajaran	1. Jurulatih Utama (JU) mengadakan bengkel berpusat kepada guru mata pelajaran 2. Jurulatih Utama (JU) memberikan khidmat nasihat di lapangan kepada guru mata pelajaran 3. Mengadakan bengkel mata pelajaran mengikut zon kritikal 4. Memantau Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di sekolah	2 kali setahun 3 buah sekolah setahun 4 kali setahun 20 buah sekolah setahun	2021-2025
2. Meningkatkan mutu pengurusan panitia mata pelajaran	1. Memastikan panitia berfungsi dan pengurusan fail panitia sentiasa dikemas kini 2. Pemantauan pengurusan dan pelaksanaan panitia di peringkat sekolah 3. Memastikan rekod pencerapan PdPc sekolah dilaporkan	Menerima laporan panitia sekolah 3 kali setahun 20 buah setahun 2 kali setahun	



Strategi 5: Meningkatkan keberkesanan Teknologi Pendidikan dan memperkasakan peranan Pusat Sumber

Program-program:

1. Memperkasakan penguasaan teknologi dalam talian kepada para guru
2. Meningkatkan sistem pengurusan pemantauan secara dalam talian
3. Meningkatkan peranan pusat sumber sekolah sebagai tempat sumber pendidikan bagi guru dan pelajar bersesuaian dengan RI 4.0





Strategi 5: Meningkatkan keberkesanan Teknologi Pendidikan dan memperkasakan peranan Pusat Sumber

PROGRAM	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
1. Memperkasakan penguasaan Teknologi dalam Talian kepada para guru	1. Mengadakan kursus pembelajaran secara online melalui aplikasi: - Google Meet/Zoom 2. Mengadakan Kursus Lanjutan Google: a - Google Doc b - Google Sheet c - Google Slide d - Google Form	93 buah sekolah setahun	2021-2025
2. Meningkatkan sistem pengurusan pemantauan secara dalam talian	1. Menyediakan sistem semakan penghantaran Buku Rancangan Mengajar 2. Memantau pengemaskinian data RITEN dari sekolah 3. Memantau laman portal sekolah-sekolah secara berterusan 4. Memantau pengemaskinian data SIMPENI dari sekolah	1 sistem disediakan 1 kali sebulan 5 kali setahun 1 kali sebulan	2021 2021-2015



